

Carut minyak: 2 sumber dikaji

Malaysia minta bantuan Jepun

KUALA LUMPUR, Rabu — Malaysia meminta bantuan Jepun untuk memajukan dua jenis sumber tenaga — hidro-elektrik dan arang batu — sebagai ganti minyak untuk keperluan masa akan datang.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu pemberita selepas menerima kunjungan Menteri Perdagangan dan Perindustrian Antarabangsa Jepun, Enick Rokuuie Tanaka, di pejabatnya di sini berkata, potensi tenaga dari hidro-elektrik di negara ini adalah besar, berjumlah sembilan kali ganda lebih dari yang diperlukan sekarang.

"Jepun boleh membantu Malaysia dalam perkara ini dengan menjalinkan kajian permulaan," katanya.

Malaysia, tambah beliau, juga memupuk perhatian kepada arang batu sebagai usaha mencari sumber tenaga gantian dan meminta bantuan Jepun untuk mengajanya bagi tujuan pengangkutan seperti memajukan pelabuhan.

Malaysia difahamkan mempunyai arang batu yang tersimpan antara 400 hingga 600 juta tan atau sama dengan 2,000 juta hingga 2,500 juta tan tong minyak.

Timbalan Perdana Menteri menerangkan, Malaysia berhasrat mengurangkan penggunaan minyak kepada 50 peratus dalam 1985 dan dengan kekurangan minyak dan penggunaan yang tinggi, Malaysia terpaksa menumpukan penggunaan tenaga lain seperti cahaya matahari dan kuasa dari jerami padi yang kini sedang dikaji.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang berunding dengan Menteri Jepun itu kira-kira satu jam, menambah: "Saya memberi amaran kepada Jepun bahawa dia juga akan kehilangan bekalan dari satu sumber tenaga iaitu Malaysia mengurangkan eksport minyak di masa akan datang."

"Disebabkan ini, saya meniadakan Jepun menghentikan pembesaran industri yang menggunakan banyak tenaga tetapi melaburkan industri yang sama seperti besi waia di negara ASEAN terutama di Malaysia, ujar beliau.

Guna gas

Dengan langkah tersebut, tambah beliau, kilang besi waia Jepun boleh menggunakan gas Malaysia secara terus dan mengelakkan kesulitan untuk diekspor.

"Ini tidak bermakna saya meniadakan industri besi waia di Jepun itu mestilah diruntuhkan dan tetapi apa yang saya cadangkan ialah jika Jepun ingin membesar industri serupa itu ia perlu menimbangkan tempat baru seperti Malaysia untuk pelaburan," tegas beliau.

Ditanya mengenai kuasa nuklear, Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu, setakat ini Malaysia tidak berminat menggunakan tenaga nuklear kerana Malaysia mempunyai tenaga lain seperti hidro-elektrik atau arang batu.

Beliau juga menyatakan, sekarang satu pasukan jurutera Jerman sedang mengkaji sama ada kuasa hidro di Felup di Bahagian Ketubuh Sarawak dapat dialirkan ke Semenanjung sejauh 600 batu.

Kedua menteri itu juga membincangkan kerjasama Jepun-Malaysia dalam bidang industri kecil dan sederhana, memajukan tenaga manusia dan menggalakan barang keluaran Malaysia ke Jepun.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kunjungan Jepun sekarang bergantung kuat kepada lima juta industri kecil dan sederhana dan berfaedah bagi Malaysia mempelajari pengalaman tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 11/7
No. Penerimaan.....